

Tanah rizab sungai diceroboh

Pihak berpengaruh didakwa terbabit salah guna kuasa

KAMPUNG RAJA - Penduduk Kampung Raja mendakwa ada pihak tertentu yang bersekongkol dengan beberapa individu berpengaruh dalam membolot tanah rizab sungai di Kampong Raja.

Ketua Komuniti India, R Harikumar berkata, pencerobohan itu berlaku di Kampong Raja yang terletak lebih kurang 15 kilometer daripada Pekan Sabak Bernam.

Menurutnya, pencerobohan ke atas tanah kerajaan mula dihidu penduduk di ka-

wasan berkenaan penghujung 2009 lalu.

"Kita mendapat maklumat individu ini menggunakan khidmat juru ukur swasta untuk melakukan kerja-kerja pengukuran sejak setahun yang lalu.

"Oleh itu, kita cuba mendapatkan maklumat daripada pegawai daerah dan dimaklumkan tiada sebarang pelan untuk pembangunan di kawasan itu," katanya.

Sebelum itu, bagi menyekat sebarang pencerobohan

di kawasan rizab itu, Harikumar membuat permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) untuk 32 penduduk di kawasan Ladang Sungai Bernam pada 24 Disember 2009.

"Permohonan tanah di Kampung Raja itu untuk pekerja di Ladang Sungai Bernam. Hal ini bagi membolehkan mereka mempunyai satu tapak supaya dapat mendirikan rumah apabila berhenti bekerja setelah mencapai usia 55 tahun," kata...

Difahamkan, selepas permohonan dibuat, beliau mengadakan pertemuan dengan Pegawai Daerah Sabak Bernam, Marzuki Husin untuk bertanya tentang perkara berkenaan.

"Kita diberitahu bahawa tanah yang dipohon itu berada dalam rizab sungai dan adalah sukar untuk diberi pemilikan sementara. Walau bagaimanapun, difahamkan, permohonan berkelompok itu akan diteliti sebelum sebarang keputusan ini dibuat," katanya.

Harikumar berkata, Isnin lalu, sebuah jentera pengorek tanah dibawa ke Kampong Raja dan penduduk bertang-



■ Bahagian penguatkuasa turun padang buat siasatan.

gapan jentera pengorek itu dihantar pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sabak Bernam untuk kerja pembersihan parit.

"Walaupun bagaimanapun, kami mula curiga apabila mesin pengorek tanah itu memasuki kawasan rizab sungai dan mula membersihkan kawasan tepi Sungai Bernam, keesokannya, pokok bakau yang berusia lebih 50 tahun dimusnahkan dalam kerja pembersihan itu," katanya.

Pencerobohan yang dilakukan pihak tidak bertang-

gungjawab itu dimaklumkan kepada Pejabat Daerah dan Pusat khidmat Masyarakat (PKM) Sungai Air Tawar.

Sehubungan itu, Pengarah PKM, Zamri Yahya turun padang membuat lawatan dan difahamkan kerja pembersihan itu mendapat kelulusan.

Pada masa sama, Pejabat Tanah Daerah Sabak Bernam turut menghantar anggota bahagian penguatkuasaan untuk siasatan.

Dalam siasatan itu, penguatkuasa mengarahkan pekerja menghentikan opera-



■ HARIKUMAR

si dan mengeluarkan mesin pengorek tanah serta merta.

Namun begitu, pekerja itu bertindak menghungi individu yang mengarahkannya melakukan kerja pencerobohan dan apabila individu terbabit tiba, dia hanya menunjukkan borang permohonan dan resit pembayaran permohonan sahaja, bukannya surat kelulusan.

Individu itu turut diberikan amaran supaya tidak mencerooboh kawasan itu yang menjadi rizab sungai.

Beliau bagaimanapun berharap Pejabat Daerah dapat melakukan siasatan terperinci berkaitan aktiviti pencerobohan itu supaya kejadian yang sama tidak berulang lagi di masa depan.



■ Kelihatan kerja mencerooboh sedang giat dijalankan.